

Oleh Noor

Hidayah Tanzizi

hidayah.tanzizi@hme-

tro.com.my

HM 20/12/23 M/S 21
Melaka

WANITA TERUJA IDEA DARI JEPUN

Longkang jadi kolam bela ikan

Inisiatif wanita ini menjadikan longkang rumahnya sebagai 'kolam' dengan membela 100 ikan *glofish* pelbagai warna bukan saja menjadikan landskap kediamannya menarik malah memberikan aura positif yang menenangkan jiwanya.

Noorul Syamimi Badrol Hisham, 33, memelihara empat jenis ikan iaitu 100 ikan *glofish*, dua *comet goldfish*, dua *pearl scale goldfish* dan dua *black moor goldfish* dalam longkang berbentuk L sepanjang kira-kira tujuh meter sejak Ogos lalu.


Noorul Syamimi berkata, pada mulanya longkang di rumahnya untuk aliran hujan daripada bumbung bilik tidur sebelum dia memanfaatkan ruang itu untuk membela ikan kerana teruja melihat konsep membela ikan dalam longkang seperti di Jepun.

Menurutnya, projek itu dimulakan pada Julai lalu dan turut menanam pokok bunga, rosemary, blackberry, pokok keladi dan karpet rumput di kawasan sekitar sebagai hiasan.

"Sambil itu saya buat beberapa penyelidikan sendiri untuk melihat jenis ikan yang sesuai dibela, kebocoran, suhu air, tahap paras air jika hujan lebat, tempat teduhan ikan, dan jenis pokok air yang sesuai diletak.

"Idea ini datang kerana saya suka dan teruja melihat longkang di Jepun yang bersih dan ada ikan cantik sehingga boleh nampak corak dan jenis ikan itu. Jadi saya melakukannya konsep sama memanfaatkan longkang sedia ada," katanya.

Dia yang menetap di Bukit Tembakau, Merlimau di



INISIATIF Noorul Syamimi menjadikan longkang rumahnya sebagai 'kolam' bukan saja menjadikan landskap kediamannya menarik, malah ia memberikan aura positif yang menenangkan jiwa.

sini, berkata, dia hanya mengeluarkan RM450 untuk merealisasikan hasrat itu dengan RM150 untuk kos upah menyimen serta menutup longkang, manakala RM300 kos membeli semua jenis ikan.

Katanya, dalam memastikan landskap sentiasa menarik, dia juga mengutamakan kebersihan dengan membersihkan kawasan serta longkang setiap dua minggu, malah mengakui tiada masalah nyamuk aedes kerana ikan *glofish* pemangsa kepada jentik-jentik.

"Kadang-kadang kalau saya tengok longkang terlalu berlumut saya akan cuci seminggu sekali. Pem-

bersihan ini mudah saja asalkan ada kerajinan dan setiap kali membersihkan longkang saya akan alihkan ikan ke dalam bekas dan berus longkang.

"Selepas itu, saya akan isi semula air berserta anti klorin dan lepaskan semula ikan bersama pokok air. Hujung longkang ditutup simen supaya air bertakung dan turut ada paip untuk limpahan air ketika hujan," katanya.

Menurutnya, longkang rumahnya menjadi sudut kegemarannya untuk berenang dan merehatkan minda setiap petang sambil memberi ikan makan selain melihat pokok bunga yang ditanam se-

bagai terapi buat dirinya.

"Usaha dan konsep ini boleh dilakukan oleh semua orang yang ada longkang yang tidak dipakai dan tidak mengalirkan sisa-sisa rumah seperti longkang rumah saya yang hanya untuk aliran air hujan dan lokasi bersesuaian.

"Ia juga memerlukan kerajinan yang tinggi sebab kita bukan cuma mahu tempat yang cantik dan santai semata-mata tetapi kita juga 'berurusan' dengan makhluk bernyawa (ikan) jadi kebajikannya dan kebersihan air serta jadual pemakanannya juga perlu diutamakan," katanya.



NOORUL Syamimi memelihara empat jenis ikan iaitu 100 ikan *glofish*, dua *comet goldfish*, dua *pearl scale goldfish* dan dua *black moor goldfish*.